

26 FEB 1999

SC-BANGUNAN

DR MAHATHIR RASMI BANGUNAN SURUHANJAYA RM227 JUTA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pembukaan bangunan Suruhanjaya Sekuriti (SC) berharga RM227 juta di Bukit Kiara, dekat sini.

Bangunan pejabat pintar 11 tingkat itu dibina di atas tanah seluas 1.6 hektar dan direka bentuk untuk mengadakan pusat operasi bersepadu yang menyediakan untuk keperluan SC itu, yang mengambil peranan "pengawas" bagi industri sekuriti, dan peranan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC).

Ia menempatkan kemudahan persidangan yang boleh memuatkan sehingga 750 orang, dewan auditorium untuk 450 orang, kemudahan-kemudahan pengajaran bilik darjah, dewan syarahan, bilik dialog, dewan pameran dan sebuah perpustakaan yang akan dibuka kepada orang ramai.

SIDC mempermudah pembangunan pasaran modal yang sihat, stabil dan canggih melalui latihan dan sebaran penyelidikan bebas kepada orang ramai.

Bercakap pada upacara perasmian itu, pengerusi SC Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid berkata, "Bangunan baru ini yang mengambil masa 28 bulan untuk disiapkan akan menempatkan 450 kakitangan SC yang sebelum ini beroperasi dari lima bangunan disewa berasingan di Kuala Lumpur.

"Ia direka bentuk khusus menjadi salah satu daripada bangunan paling canggih di Asia, berpadanan dengan tugas sebagai institusi negara yang mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia."

Kemudahan-kemudahan IT bagi sistem bangunan pintar menelan belanja RM148 juta itu mengandungi satu sistem kabel tersusun, sistem pengurusan keselamatan bersepadu dan satu sistem telekomunikasi.

-- BERNAMA

AD SHY OS